

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL  
(SUNGAI PETANI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.11.2015**

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyataka:-

- (a) senaraikan semua pelaburan dalam dan luar negara oleh Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan berapakah nilai dalam RM setiap pelaburan dari tahun 2010 hingga Ogos 2015; dan
- (b) adakah benar KWAP pernah melabur di Mongolia setakat ini dan apakah kedudukan terkini pelaburan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Kedudukan portfolio pelaburan domestik dan antarabangsa Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dari tahun 2010 hingga 30 September 2015 adalah sebanyak RM39.05 bilion yang terdiri daripada ekuiti, RM29.32 bilion dalam Pinjaman dan Sekuriti Hutang Persendirian, RM29.10 bilion dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia, RM6.16 bilion dalam Deposit Pasaran Wang, RM1.09 bilion dalam Hartanah, RM1.12 bilion dalam Ekuiti Persendirian, RM5.18 bilion dalam Ekuiti Antarabangsa, RM2.82 bilion dalam Pendapatan Tetap Antarabangsa dan RM3.91 bilion dalam Hartanah Antarabangsa.
  
- b. Setakat 30 September 2015, KWAP tidak mempunyai apa-apa pelaburan di Mongolia.